

Media Title : Utusan Malaysia  
Headline : Berputih mata kena scam RM73,000  
Date : 2 March 2023  
Section : Dalam Negeri  
Page : 32



## Berputih mata kena *scam* RM73,000

**ARAU:** Seorang warga emas berputih mata selepas wang simpanannya berjumlah RM73,000 lesap ditipu sindiket *macau scam* dalam kejadian Jumaat lepas.

Mangsa seorang petani berusia 64 tahun dikatakan menerima panggilan telefon daripada seorang suspek yang mendakwa dirinya sebagai ‘Inspektor Saha’ dari Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

Ketua Polis Daerah Arau, Superintenden Ahmad Mohsin Md. Rodi berkata, menerusi panggilan itu, suspek terlibat mendakwa mangsa terbabit dengan kes perngubahan wang haram dan mempunyai waran tangkap.

“Mangsa kemudian diminta membuat transaksi pemindahan berjumlah RM73,000 ke dalam dua akaun bank bagi tujuan audit untuk mengelakkkan akaun bank miliknya dibekukan oleh IPK Pulau Pinang.

“Mangsa melakukan sebanyak lapan transaksi ke dalam dua akaun bank berkenaan,” katanya semalam.

Ahmad Mohsin berkata, selepas membuat transaksi itu, mangsa memaklumkan kepada anaknya yang menyedari bahawa panggilan itu adalah satu penipuan menerusi panggilan telefon.

Beliau berkata, berikutnya itu, satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

“Modus operandi sindiket ini adalah dengan menghubungi mangsa dan menyamar sebagai pihak berkuasa, institusi kewangan atau syarikat perkhidmatan dengan mendakwa pihak berkenaan terlibat dengan kes jenayah, tunggakan cukai dan pinjaman bank,” katanya.